



Gred Purata Nasional catat peningkatan

Info

KEPUTUSAN SPM 2016

➔ Calon dapat keputusan A+ dalam semua subjek merosot berbanding 2015

BH
17/3/17
ms 7

Oleh Adha Ghazali, Basir Zahrom, Nas Norziela Nasbah, Noorazura Abdul Rahman dan Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 mencatat indeks Gred Purata Nasional (GPN) 5.10, iaitu lebih baik dengan perbezaan sebanyak 0.05 berbanding 5.15 pada 2015.

Bagaimanapun, hanya 102 atau 1.94 peratus calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 mendapat keputusan A+ dalam semua subjek diduduki, merosot berbanding 163 calon atau 2.6 peratus pada 2015.

Mereka adalah sebahagian daripada 8,647 atau 2.13 peratus calon meraih pencapaian cemerlang (A+, A, A-) dalam semua subjek diduduki yang turut merosot berbanding 9,721 (2.38 peratus) pada 2015.

kerana kita menilai secara menyeluruh menerusi GPN," katanya pada sidang media sempena pengumuman analisis keputusan SPM 2016 di Kementerian Pendidikan di sini, semalam.

Khair berkata, jurang GPN antara calon bandar dengan luar bandar turut mengecil kepada 0.47 berbanding 0.50 pada 2015.

Calon bandar mencatat GPN 4.89, manakala luar bandar pula 5.36, namun keputusan di kedua-dua lokasi itu menunjukkan pencapaian lebih baik berbanding masing-masing GPN 4.94 dan 5.44 pada 2015.

Peningkatan prestasi itu menyaksikan pencapaian GPN oleh calon luar bandar mencatat perbezaan 0.08 pada kali ini berbanding 2015, sekali gus mengatasi perbezaan 0.05 oleh calon bandar.

Beliau berkata, seramai 340,698 atau 85.21 peratus daripada 399,822 calon yang menduduki sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras untuk kali pertama, layak dianu-

440,682 pada 2015.

Analisis pencapaian subjek teras berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) pula menyaksikan prestasi BM, Bahasa Inggeris (BI), Pendidikan Islam dan Sains meningkat, manakala Matematik, Sejarah dan Pendidikan Moral menunjukkan penurunan.

BM mencatat GPMP 4.60 berbanding 4.73 pada 2015; BI - 5.99 (6.08); Pendidikan Islam - 4.40 (4.72) dan Sains - 5.04 (5.35), sementara Matematik - 5.46 (5.17), Sejarah - 5.34 (5.10) dan Pendidikan Moral - 4.58 (4.40).

Prestasi meningkat

"Prestasi Pendidikan Islam mencapai peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 0.32, sementara Matematik mencatat penurunan terbesar (0.29)," katanya.

Secara keseluruhan, beliau berkata, 41 daripada 73 mata pelajaran SPM 2016 mencatat peningkatan prestasi, 28 lagi merosot,

	Keputusan cemerlang (A+, A, A-) semua subjek			Gred Purata Negeri	
	% 2016	2016	2015	2016	2015
Putrajaya	4.51	56	39	3.98	4.21
Terengganu	1.50	308	355	5.02	5.06
Kelantan	1.07	250	340	5.09	5.03
Melaka	1.95	244	280	5.25	5.25
P Pinang	3.34	656	725	4.85	4.96
Johor	2.23	1,015	1,099	4.94	5.06
Negeri Sembilan	3.30	499	531	4.94	5.06
Kuala Lumpur	2.95	510	579	4.85	4.85
Pahang	1.41	269	306	4.88	4.94
Selangor	1.94	1,459	1,629	5.05	5.06
Kedah	1.35	406	446	5.20	5.23
Perak	2.17	707	890	5.17	5.22
Perlis	1.67	59	41	5.29	2.41
Sarawak	1.79	577	582	5.34	5.47
Sabah	0.34	113	142	5.64	5.66
Jumlah	2.13	8,647	9,721	5.10	5.15

Pencapaian GPN tak terjejas

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof, berkata penurunan bilangan itu bagaimanapun tidak menjejaskan pencapaian GPN yang mencatat peningkatan prestasi kali ini.

“Jangan hanya melihat calon cemerlang yang mendapat semua A

gerahkan sijil selepas lulus Bahasa Melayu (BM) dan Sejarah.

“Seramai 313,667 adalah calon sekolah Kementerian Pendidikan, manakala baki 27,031 calon selain sekolah kementerian,” katanya.

Seramai 434,535 calon mendaftar untuk menduduki SPM 2016 di 3,732 pusat peperiksaan seluruh negara, lebih rendah berbanding

manakala empat tidak berubah.

Dalam pada itu, 510 calon atau 58.42 peratus daripada 873 calon berkeperluan khas (CBK) layak di-anugerahkan sijil, iaitu 19 calon dalam kategori masalah pembelajaran, 15 (buta), 285 (kurang upaya pelbagai), 42 (kurang upaya fizikal), 44 (kurang upaya pendengaran), 105 (rabun).

